



Garis Panduan Amanah Tugas Syarahan (ATS) UMPSA

Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (PIDA)

Kelulusan Garis Panduan

- **Garis Panduan Beban Tugas Staf Akademik di UMPSA** ini telah diluluskan di **Mesyuarat Senat Ke-231 Bil. 2/2025**.
- Garis panduan ini terpakai kepada semua Staf Akademik, yang merangkumi:
 - ▶ **Profesor (VK)**
 - ▶ **Pensyarah Universiti (DS)**
 - ▶ **Pegawai Latihan Vokasional (DV)**
 - ▶ **Guru Bahasa (DG)**

Minit Senat Ke-229 (Perkara 4.1.3) / Minit Senat Ke-230 (Perkara 3.1.3)

3.1.3 Cadangan Penambahbaikan Garis Panduan Beban Tugas Staf Akademik di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Mesyuarat mengambil maklum sesi libat urus bersama Fakulti berkenaan cadangan Garis Panduan Beban Tugas Staf Akademik UMPSA akan diadakan pada Februari/Mac 2025 untuk pemurnian butiran yang dipohon Senat.

Tindakan: i) Pengarah PIDA

Maklumbalas / Tindakan

- (a) Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (PIDA) telah mengemukakan draf pengiraan beban tugas akademik bagi skim perkhidmatan DS, DV, dan DG melalui emel kepada Fakulti dan Pusat pada 16 Mac 2025. Draf ini disediakan dalam bentuk "**Kalkulator Beban Tugas Staf Akademik**" untuk tujuan penilaian dan penyelarasan Sasaran Kerja Utama (SKU).
- (b) Sebagai langkah seterusnya, sesi perbincangan bersama Dekan dan wakil Fakulti/Pusat diadakan pada 20 Mac 2025 bagi mendapatkan maklum balas serta pengesahan terhadap "Kalkulator Beban Tugas Staf Akademik" yang dibangunkan oleh PIDA.
- (c) Hasil daripada perbincangan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Senat untuk pertimbangan dan kelulusan seperti di [Lampiran 3.1.3A](#).

[Status: Selesai]

ATS dan KTS

- Beban tugas staf akademik adalah diukur berdasarkan **Amanah Tugas Syarahan (ATS)** dan **Kesetaraan Tugas Syarahan (KTS)**.
- Bidang tugas di bawah ATS dan KTS adalah seperti berikut:

ATS	KTS
• Pengajaran	• Penyeliaan • Penyelidikan • Penerbitan • Perundingan • Sanjungan dan Kepimpinan Akademik • Khidmat Kepada Universiti / Fakulti • Khidmat Kepada Masyarakat

Jam Bekerja Tahunan

Jumlah masa bertugas bagi seseorang staf akademik berdasarkan *Guideline of Full Economic Costing for Research**.

Jam bekerja sehari	8 jam
Jam bekerja seminggu	40 jam
Minggu bekerja setahun	44 minggu
Hari bekerja setahun	220 hari
JUMLAH JAM BEKERJA SETAHUN	1760 jam

***Full Economic Costing (Full Time Equivalent) – University of Cambridge**

<https://www.research-operations.admin.cam.ac.uk/costing-and-pricing-research-proposal/what-full-economic-costing>

Pengiraan ATS di UMP SA (Kaedah Baharu)

Bagi Setiap Jam Kursus	Bil. Pelajar	Persediaan	Penilaian	Jumlah
1 jam Kuliah	≤ 20	1.0 jam	1.5 jam	3.5 jam
1 jam Kuliah	21 – 50	1.0 jam	2.0 jam	4.0 jam
1 jam Kuliah	51 – 70	1.0 jam	2.5 jam	4.5 jam
1 jam Kuliah	71 – 100	1.0 jam	3.0 jam	5.0 jam
1 jam Kuliah	> 100	1.0 jam	3.5 jam	5.5 jam
1 jam Tutorial/Makmal	30	0.5 jam	1.0 jam	2.5 jam

- **Penilaian** merangkumi:
 - Penyediaan soalan (kuiz, *assignment*, *test*, projek, peperiksaan akhir, dan sebagainya)
 - Penilaian jawapan pelajar
- **Penyelaras kursus** diberi **1 jam ATS** tambahan.
- Pensyarah yang mengajar 2 seksyen kursus yang sama, jam persediaan dikira sekali sahaja untuk kedua-dua seksyen.
- Bagi kursus makmal dengan bantuan staf DV, **jam pertemuan LAB** adalah **1/2** daripada jam pertemuan sebenar.
- Bagi penyelaras kursus FYP/URP/IDP/TOPS/LI etc., isikan **1** di ruangan **Contact Hour LEC**.
- Bagi penyelaras kursus Flying Prof., isikan **0.5** di ruangan **Contact Hour LEC**.
- Pengajaran kursus program Sarjana Kerja Kursus yang **berbayar tidak dikira di dalam ATS**.

Contoh Pengiraan ATS

COURSE CODE	COURSE NAME	COORD.	SECTION	# STUDENTS	TEAM TEACH.	LEC.	TUT/LAB	PREP.	ASSESSMENT	ATS	TOTAL ATS
BXX1233	ENGINEERING FUNDAMENTAL	Y	01P	30		2	2	3	5	13	30
BXX1233	ENGINEERING FUNDAMENTAL		02P	35		2	2	0	6	10	
BY1123	ARTIFICIAL INTELLIGENCE		01P	60	2	2	2	3	7	7	
								0	0	0	

Butiran

COORD. : tandakan “Y” sekiranya menjadi penyelaras kursus tersebut

SECTION : seksyen yang diajar, contohnya Section 01P

STUDENTS : jumlah pelajar mendaftar di dalam seksyen tersebut

LEC. : jam pertemuan kuliah (*lecture*) seminggu

TUT/LAB : jam pertemuan tutorial / makmal / amali seminggu

ASSESSMENT : peruntukan jam penyediaan soalan dan penilaian jawapan pelajar setiap minggu

ATS : jumlah peruntukan Amanah Tugas Syarahan bagi setiap kursus dalam seminggu

Kalkulator ATS dalam format Microsoft Excel boleh dimuatturun di sini: <https://bit.ly/atsumpsa2025>

Pembahagian ATS Mengikut Kategori

Bil.	Jawatan / Gred	ATS / minggu	ATS / tahun (avg.)	ATS (%)	KTS / tahun (avg.)	KTS (%)
1	TIER 1 : Pengurusan Tertinggi Universiti (Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor)	0	0	0%	1,760	100%
2	TIER 2 : Penolong Naib Canselor, Penolong Timbalan Naib Canselor, Dekan, Pengarah Kanan	8 – 10	260	15%	1,500	85%
3	TIER 3 : Pengarah, Timbalan Dekan	11 – 14	350	20%	1,410	80%
4	TIER 4 : Ketua Program, Ketua Teknikal, Ketua Kluster	17 – 20	520	30%	1,240	70%
5	TIER 4 : Felo Penyelidik Utama COE, Pengetua Residen Pelajar, Penubuh Syarikat Permula	20 – 24	620	35%	1,140	65%
6	Profesor (VK7 / VK6 / VK5)	14 – 17	440	25%	1,320	75%
7	Profesor Madya (DS14)	20 – 24	620	35%	1,140	65%
8	Pensyarah Kanan (DS13)	23 – 28	700	40%	1,060	60%
9	Pensyarah (DS11)	28 – 35	880	50%	880	50%
10	Pensyarah Pusat Servis (DS) dan Pegawai Latihan Vokasional (DV)	34 – 41	1,050	60%	710	40%
11	Guru Bahasa (DG)	45 – 55	1,400	80%	360	20%

Jumlah masa bertugas bagi seseorang staf akademik berdasarkan *Guideline of Full Economic Costing for Research* adalah sebanyak **1,760 jam setahun** (40 jam seminggu x 44 minggu bekerja setahun).



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik

ida.umpsa.edu.my



**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**

